

Mentaliti, semangat perjuangan Melayu mesti kelas pertama

KUALA LUMPUR 16 Nov. - Ekuiti orang Melayu boleh naik kepada 80.9 peratus jika mentaliti, semangat perjuangan dan perpaduan mereka berada di kelas pertama kerana itulah satu-satunya cara untuk meningkatkan maruah bangsa Melayu dalam sektor ekonomi.

Wakil UMNO Selangor, Datuk Mufti Shuib berkata, orang Melayu kini bermentaliti kelas pertama tetapi semangat perjuangan berada di kelas ketiga hingga menyebabkan sasaran ekuiti Melayu jauh keciciran.

Dengan gaya bersahaja, Mufti berkata, keadaan ini berbeza dengan orang UMNO 'lama' yang memiliki mentaliti kelas ketiga tetapi mempunyai semangat Melayu kelas pertama hingga berjaya menubuhkan parti keramat UMNO.

"Kami dulu bermentaliti kelas tiga, tapi semangat Melayu kelas satu. Tapi hari ini malang sungguh, mentaliti kelas satu, semangat Melayu kelas tiga. Jadi sepatutnya kalau kita ada mentaliti kelas satu, semangat perjuangan kelas satu, perpaduan kelas satu, semangat Melayu kelas satu, maka hari ini ekuiti Melayu bukan 18.9 peratus, (tapi) ekuiti Melayu sudah menjadi 80.9 peratus," katanya.

Ucapan Mufti ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini mendapat sambutan hangat daripada perwakilan kerana ia disampaikan dengan cara bersahaja yang diselang-selikan dengan jenaka yang dalam maksudnya.

Malah jenaka sinis beliau itu membuatkan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak, ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT) dan para perwakilan dalam Dewan Merdeka tidak kering gusi.

Sebagai contoh, beliau berkata, walaupun orang Melayu memperoleh sebahagian besar permit teksi daripada kerajaan yang bertujuan untuk membantu mereka, tetapi mereka menyewa atau menjualnya kepada kaum lain.

"Bila kita tanya, kau dapat permit teksi, mengapa kau sewakan, mengapa kau jual, jawabnya: 'Saya ikut teladan kerajaan, saya swastakan permit teksi saya'. Inilah penyakit swasta dan ia berterusan," katanya disambut gelak ketawa seisi dewan.

Mengimbas sejarah penubuhan UMNO dan kemerdekaan negara, beliau berkata, orang seperti beliau yang memiliki mentaliti kelas tiga telah berhimpun untuk menubuhkan UMNO dan seterusnya memberi pusaka perjuangan kepada Melayu mentaliti kelas pertama yang berada dalam UMNO seka-

rang.

"Saya (yang) mentaliti kelas tiga nak bercakap dengan mentaliti kelas satu... tapi kelas satu atau kelas tiga, (bila) kita naik satu kapal terbang, duduk di depan atau duduk di belakang, kalau jatuh, jatuh bersama; kalau naik, naik bersama," kata Mufti sambil disambut gelak ketawa perwakilan.

Beliau juga menyentuh peristiwa ketika penjajah Inggeris ingin menubuhkan Melayan Union kerana ketika itu tanpa perlu dipanggil, orang Melayu bangun bersatu menentang penjajah.

"Orang Melayu yang bangun itu hanyalah Melayu mentaliti kelas tiga, sekolah Melayu darjah enam, paling tinggi Senior Cambridge. Melayu kelas tiga berkumpul, berhimpun berdemonstrasi menentang Inggeris, bukan macam Melayu kelas satu tuan-tuan sekarang ini, tetapi Melayu kelas tiga dengan mentaliti kelas satu yang dapat menghancurkan hasrat Inggeris untuk menubuhkan Melayan Union," kata beliau.

Mufti yang pekat dengan loghat Jawanya menjadikan cara beliau bercakap sebagai senjata utama untuk menarik perhatian perwakilan.

Beliau turut melahirkan kekaguman dengan ucapan dasar Presiden semalam yang disifatkannya sebagai telus dan penuh ikhlas.

"Saya tertarik dengan ucapan dasar Presiden. Apabila kita merdeka, apa yang ada pada Melayu ketika itu. Saya ketika itu remaja berusia 19 tahun yang belum berisiteri," katanya.